

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab kelima ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini , kesimpulan akan dibuat terhadap kajian kitab *Tafsir Quran Marbawi* beserta ketokohan al-Marbawi dalam bidang tafsir. Seterusnya penulis akan memberi beberapa cadangan untuk perhatian pihak-pihak yang berminat untuk meneruskan kajian ini di masa akan datang.

5.2 KESIMPULAN KAJIAN

Kesimpulan terhadap kajian ini akan dirumuskan dalam tiga bahagian iaitu ketokohan al-Marbawi, penulisan kitab *Tafsir Quran Marbawi* dan metodologi pentafsiran yang beliau gunakan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang merangkumi surah al-Fatihah, surah al-Baqarah dan surah Yasin.

5.2.1 KETOKOHAN

Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi merupakan seorang tokoh ilmuan yang telah menguasai banyak bidang meliputi kesusasteraan Arab, pengajian al-Quran dan al-Hadith, penulisan, penerbitan dan sebagainya. Keperibadian beliau yang dikenali dengan sifat wara', tawadu' dan sentiasa cintakan ilmu serta tidak kedekut untuk menyebarkan ilmu kepada orang lain sehingga sanggup bekorban menubuhkan percetakan sendiri semata-mata untuk memberi kemudahan kepada para pelajar Melayu

di Mesir, tidak hairanlah apabila beliau dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah pertama pada tahun 1987.

Beliau juga telah memberi banyak sumbangan khususnya dalam bidang penulisan dengan terhasilnya karya-karya yang masyhur dan masih dijadikan sumber rujukan oleh para pencinta ilmu sama ada yang ingin menguasai bahasa Arab mahupun bidang pengajian Islam. Karya-karya tersebut merangkumi bidang bahasa, *tafsir*, *hadis*, *tauhid*, *fiqh*, *tasawwuf*, dan penerbitan majalah.

Kemampuan beliau menyampaikan ilmu melalui penulisan karya-karya tersebut membuktikan bahawa beliau merupakan ilmunan terbilang yang tidak mengenal erti jemu untuk terus menerus menyumbang bakti dalam memperjuangkan agama Allah dan berterusan memberi manfaat kepada umat Islam sehingga ke akhir hayat beliau.

Karya-karya beliau terus mendapat tempat di hati masyarakat sehingga ke hari ini. Kenyataan ini terbukti apabila *Kamus al-Marbawi* masih diulang cetak sehingga sekarang dan digunakan khususnya pelajar-pelajar di sekolah-sekolah agama rendah dan menengah serta Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan luar negeri. Begitu juga beberapa karya hadis seperti kitab *Bulugh al-Maram* serta *Terjemahan Melayu* dan *Bahr al-Madhi* diberi nafas baru oleh penerbit-penerbit buku dengan kerjasama penulis-penulis tempatan yang terlibat secara langsung agar ia menjadi salah satu bahan bacaan utama selain menjadi rujukan pelajar-pelajar bidang pengajian Islam.

5.2.2 PENULISAN KITAB *TAFSIR QURĀN MARBAWĪJUZ ALĪF LĀM MĪM* DAN *TAFSIR QURĀN MARBAWĪSURAH YĀSIN*

Kajian mendapati bahawa kedua-dua buah kitab tafsir amat bernilai dan harus dijadikan bahan rujukan pelajar yang meminati bidang tafsir al-Quran. Sekalipun kedua-dua buah kitab tersebut menggunakan bahasa Melayu lama, namun persembahan kitab tersebut amat menarik terutamanya kitab *Tafsir Quran Marbawi Juz Alif Lām Mim*. Sekiranya seseorang membacanya sudah tentu akan dapat merasakan seolah-olah sedang berkomunikasi dengan pengarang kitab tersebut seperti seorang murid sedang bertalaqqi dengan gurunya.

Tempoh penulisan kedua-dua buah kitab ini pula adalah sangat berbeza jarak masanya. *Kitab Tafsir Quran Marbawi Juz Alif Lām* ditulis pada tahun 1938 manakala *Kitab Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin* pula ditulis pada tahun 1964. Ini bermakna tempoh jarak masa kedua-dua buah tafsir ini adalah 26 tahun. Dalam tempoh masa ini, kajian mendapati metode penulisan kedua-dua buah kitab ini juga amat berbeza. Karya pertama ditulis dalam bentuk perbahasan atau syarahan ayat dan bersifat umum serta lebih kepada unsure-unsur nasihat. Jika dilihat pada karya kedua pula kitab tersebut ditulis dalam bentuk perbahasan terhadap masalah-masalah yang berjumlah 574 masalah. Perbezaan ini menunjukkan kematangan pengarang kitab yang sentiasa mencari idea untuk menyampaikan ilmu dalam bentuk yang paling mudah untuk difahami pembacanya.

Sebagai seorang mufassir yang menjaga adab-adab seperti yang telah digariskan oleh tokoh-tokoh *mufassir* terdahulu, beliau amat mementingkan sumber rujukan yang digunakan sepanjang menulis kedua-dua buah karya tersebut agar tidak lari dari

maksudnya.. Kajian mendapati sumber rujukan tersebut merangkumi kitab-kitab tafsir dan hadis muktabar dan utama. Al-Marbawi banyak menukilkan pendapat dari kitab *Tafsīr al-Kabīr* iaitu karangan imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr Qurṭubī* dan *Tafsir al-Tabarī* berbanding kitab-kitab tafsir yang lain. Penggunaan hadis pula, beliau banyak mengambil hadis-hadis dari *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* berbanding kitab-kitab hadis yang lain. Terbukti bahawa beliau amat mengutamakan penggunaan kitab-kitab muktabar.

5.2.3 METODOLOGI PENTAFSIRAN

Sekalipun beliau amat dikenali dalam bidang bahasa dan hadis, kredibiliti beliau dalam usaha menghasilkan karya tafsir amat wajar dikagumi. Penulisan kitab *Tafsir Quran Marbawi* yang terdiri daripada tafsiran lengkap surah al-Fatihah dan al-Baqarah dan tafsiran surah Yasin dalam penerbitan yang berbeza contohnya membuktikan beliau sememangnya seorang ilmuan yang sentiasa mempraktikkan apa yang beliau perolehi sepanjang keberadaannya di Mesir yang pada ketika itu amat dikenali sebagai dunia ilmu-ilmu Islam. Beliau berjaya mentafsirkan surah al-Fatihah dan al-Baqarah pada peringkat awalnya dengan menggunakan caranya yang tersendiri sehingga terasa seolah-olah wujud komunikasi antara pembaca dan pengarang ketika membacanya. Penulisan tafsir surah Yasin pula agak terkemudian dihasilkan sekitar 27 tahun selepas penulisan tafsir surah al-Baqarah dan bentuk huraianya lebih unik menampakkan kematangan pengarang yang sentiasa memperbaharui metode penulisan untuk memudahkan para pembacanya.

Kajian juga mendapati beliau telah mempraktikkan metode-metode pentafsiran yang betul dan tidak menyalahi etika pentafsiran al-Quran yang telah digariskan oleh

para mufassirin terdahulu. Beliau telah mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan sumber *ma'thur* iaitu al-Quran, al-hadith, pendapat sahabat dan tabiin. Selain itu, beliau turut menghurai ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan metode *al-Ra'y* iaitu melalui ijtihad beliau sendiri dan mendapati pandangan-pandangan tersebut tidak menyalahi dengan syarat yang telah ditetapkan oleh para ulamak tafsir. Tidak hairanlah beliau mampu mempraktikkan metode tersebut memandangkan beliau amat berkemahiran dalam bidang bahasa Arab.

Sebagai seorang *mufassir* terkemudian, beliau amat menghargai pandangan-pandangan *mufassirin* terdahulu dan sikap ini jelas dilihat apabila beliau memasukkan riwayat-riwayat yang diambil dari kitab-kitab tafsir muktabar. Pengambilan riwayat itu pula dijelaskan sumbernya agar pembaca dapat membuat rujukan semula kepada kitab asal untuk tujuan pemahaman yang lebih terperinci memandangkan tafsirannya adalah ringkas tetapi padat dengan pengisian yang bermanfaat. Sekalipun beliau memasukkan pandangan *muktazilah* contohnya, beliau akan membuat komentar dan membawakan pendapat yang lebih kuat. Secara tidak langsung, beliau sebenarnya menolak pandangan yang tidak selari dengan pegangan *ahli sunnah wal jamaah*. Pendirian ini membuktikan bahawa beliau amat menjaga adab-adab seorang *mufassir* yang mengutamakan kesucian dan kemurnian wahyu sentiasa terpelihara berbanding kepentingan peribadi.

5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi, bagi kepentingan pengembangan bidang metodologi tafsir dan pemuliharaan karya-karya lama, beberapa cadangan dan saranan ingin diketengahkan penulis iaitu :

- 1) Karya-karya lama yang menggunakan bahasa Melayu klasik ataupun tulisan jawi khususnya haruslah dijaga dan disimpan di tempat yang selamat atau diserahkan kepada Arkib Negara untuk diselenggara dari semasa ke semasa agar terpelihara memandangkan karya-karya tersebut sukar ditemui.
- 2) Bagi memastikan karya-karya tersebut mendapat tempat sebagai bahan bacaan masyarakat, kerjasama antara pemilik, pengkaji dan penerbit buku-buku tempatan amatlah diharapkan dalam usaha menerbitkan atau mencetak semula dan diberi nafas baru agar karya-karya tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya seperti yang telah dilakukan terhadap kitab *Bulugh al-Maram* dan *Bahr al-Madhi* milik al-Marbawi.
- 3) Masih banyak lagi karya tafsir al-Marbawi yang belum ditemui dan sekalipun dikatakan wujud karya-karya tafsir yang lain milik al-Marbawi, maka perlu ada penerusan kajian di masa akan datang.
- 4) Bagi pengkaji-pengkaji yang berminat dalam lapangan kajian metodologi tafsir, dicadangkan agar dapat memperbanyakkan kajian metodologi tafsir Nusantara khususnya ulamak-ulamak Melayu di Malaysia yang masih banyak lagi yang belum dikaji.
- 5) Saranan kepada institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia agar memperbanyakkan seminar memperkenalkan tokoh-tokoh tafsir Nusantara beserta pembentangan kajian-kajian terhadap karya-karya mereka.

5.4 PENUTUP

Harapan agar kajian ilmiah terhadap metodologi penulisan karya-karya lain yang dihasilkan oleh Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi khususnya dalam bidang tafsir diteruskan dan juga kajian dari aspek perbandingan metodologi pentafsiran beliau dengan tokoh-tokoh tafsir yang sezamannya dapat dibuat agar penemuan-penemuan baru diperolehi bagi manfaat para pelajar dan masyarakat amnya.